

# 8 April sebutan lanjut kes lelaki warga asing didakwa masuk secara haram

**MIRI:** Mahkamah Majistret menetapkan 8 April depan untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki warga asing yang dituduh masuk ke negara ini secara haram:

Manakala tertuduh yang tidak ditawarkan jaminan, diperintahkan supaya ditahan lanjut sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Majistret

Ashok Linggam setelah membenarkan permohonan yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing.

Dalam permohonannya, David memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk sebutan lanjut kes di Mahkamah Sesyen memandangkan hakim yang sepatutnya mendengar kes itu pagi ini sedang bercuti.

Anton dari Sumatera

Selatan, Indonesia telah didakwa mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 6 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh disebat sehingga enam kali, jika sabit

kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh sebagai seorang yang bukan warganegara Malaysia telah didakwa masuk ke negara ini tanpa mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7.30 malam, 18 Mac lalu di sebuah lot di Jalan Desa Pujut 1, Bandar Baru Permyjaya di sini.